

Pilih pemimpin mampu pelihara kepentingan Islam, perpaduan kaum



Oleh Prof Madya Dr Mohd Ashrof Zaki Yaakob
bhagama@bh.com.my

Belum terlambat untuk kita mengambil ibrah dan teladan daripada peristiwa Hijrah, apatah lagi kita masih berada dalam Muharam yang menjadi bulan pertama dalam takwim Islam itu. Muharam pula bermaksud 'diharamkan', iaitu Allah SWT melarang hamba-Nya melakukan peperangan atau pertumpahan darah.

Firman Allah SWT: *"Sesungguhnya bilangan bulan di sisi (hukum) Allah ialah 12 bulan, (yang ditetapkan) dalam Kitab Allah semasa Ia menciptakan langit dan bumi, di antaranya empat bulan dihormati. Ketetapan demikian itu ialah agama betul lurus, maka janganlah kamu menganiaya diri kamu dalam bulan dihormati itu (dengan melanggar larangan-Nya); dan perangilah kaum kafir Musyrik seluruhnya sebagaimana mereka memerangi kamu seluruhnya; dan ketahuilah sesungguhnya Allah beserta orang bertakwa."* (Al-Taubah: 36)

Ulama menyatakan terdapat dua makna pada istilah haram, iaitu pertama, pada bulan berkenaan diharamkan melakukan pembunuhan dan pertumpahan darah, manakala kedua, dilarang melakukan perbuatan haram dan zalim sama ada kepada diri sendiri atau kepada orang lain.

Kezaliman dimaksudkan seperti meninggalkan apa diwajibkan Allah SWT dan melanggar apa dilarang-Nya dan tidak mentaati perintah-Nya.

Bagaimanapun di luar daripada bulan haram ini, perbuatan seperti ini tentu sahaja tetap dilarang tetapi penekanan diberikan dalam bulan haram kerana dosanya lebih besar dan berganda.

Begitu juga sekiranya melakukan ketaatan, pahalanya juga lebih besar dan berganda. Justeru, pada Muharam ini, selain aspek pengharaman melakukan maksiat dan dosa, Islam juga menekankan galakan melaksanakan sebanyak mungkin amalan soleh dan kebajikan.

Dalam konteks Hijrah pula, kita perlu meyakini perpindahan Nabi Muhammad SAW itu adalah perjalanan kemenangan Islam, bukan pelarian seperti cuba diselewengkan sesetengah pihak.

Walaupun terdapat konspirasi kafir untuk membunuh Baginda, ia bukanlah faktor utama kerana perjalanan Hijrah berdasarkan ketaatan bersandar-kan wahyu Allah SWT.

Hijrah Nabi SAW penuh cabaran dan berliku menggambarkan episod pengorbanan serta kejayaan Rasul pembawa obor keimanan menerangi umatnya. Segala

kesusahan dan kepayahan dilalui menjadi cabaran mesti ditempuhi demi ketaatan kepada Allah SWT, walaupun Baginda SAW dan umat Islam terpaksa meninggalkan sanak saudara dan harta benda.

Natijahnya, rahmat dan keampunan Allah SWT dijamin kepada golongan Muhajirin. Firman Allah SWT: *"Sesungguhnya orang beriman dan orang berhijrah serta berjuang pada jalan Allah (untuk menegakkan Islam), mereka itulah orang mengharapkan rahmat Allah. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."* (Al-Baqarah: 218)

Keagungan peristiwa Hijrah Rasulullah SAW harus menjadi inspirasi kepada ummah kerana ia mempunyai pelbagai hikmah dan pengajaran

Keagungan peristiwa Hijrah Rasulullah SAW harus menjadi inspirasi kepada ummah kerana ia mempunyai pelbagai hikmah dan pengajaran. Ia menterjemahkan betapa besar maknanya perintah itu dalam kelangsungan menaikkan syiar Islam sebagai agama tauhid.

Malah, kejayaan dakwah Nabi Muhammad SAW amat berkait rapat dengan strategi baik dan tersusun, terutama dalam menjawab sebarang tohmahan musuh Islam terhadap usaha dakwah Baginda SAW.

Hijrah menganjak minda untuk berfikir kita betapa perancangan teratur dan strategik menjadikan perancangan itu berjalan begitu sempurna di sebalik cabaran dan dugaan. Ia jelas terbukti apa-

bila tokoh penting dalam peristiwa berkenaan adalah pembantu Nabi SAW yang pintar dalam strategi risikan dan perang saraf serta penghantaran bantuan makanan yang tersusun dalam pelaksanaannya.

Kebijaksanaan tindakan ini diperlihatkan tokoh seperti Sayidina Abu Bakar RA, Sayidatina Aishah RA, Asma' Abu Bakar, Umar al-Khattab, Abdullah Abu Bakar, Ali Abi Talib dan ramai lagi sahabat RA.

Hayati peristiwa Hijrah

Seiring peristiwa Hijrah dan permulaan takwim itu bagi umat Islam, ia perlu dihayati sedalam-dalamnya oleh seluruh umat Islam. Pemahaman Hijrah bukan hanya sekadar berpindah dari satu tempat ke satu tempat lain, bahkan difahami dalam konteks hijrah kepada lebih baik dan meninggalkan segala larangan Allah SWT.

Abdullah Ibnu 'Amru RA meriwayatkan Nabi SAW bersabda: "Seorang Muslim itu ialah seseorang yang orang Islam lain selamat daripada (kejahatan) lidah dan tangannya. Dan seorang berhijrah itu ialah seseorang meninggalkan apa dilarang Allah SWT." (Hadis Riwayat Bukhari)

Semangat Hijrah Nabi SAW juga wajar dijadikan pedoman dalam situasi semasa, termasuk menentukan kepemimpinan negara. Hijrah mengajar umatnya agar sentiasa bersiap-siaga dan berusaha memastikan setiap matlamat dapat dicapai di samping berdoa dan bertawakal.

Dalam pemilihan kepemimpinan negara melalui pilihan raya, umat Islam perlu menilai dan mengenal pasti aspek penting wajib dipertahankan dalam memastikan kedaulatan Islam dapat ditegakkan.

Pada masa sama, keharmonian antara kaum dan agama juga perlu dipastikan terjamin dan terpelihara serta tidak menjadi punca kepada ketegangan akan merosakkan negara.

Ini bukan mudah, tetapi boleh tercapai dengan tahap kesedaran dan penilaian matang terhadap kemampuan barisan kepemimpinan ditawarkan kepada rakyat. Rakyat perlu berhijrah minda daripada memilih pemimpin berdasarkan sentimen kepartian atau pengaruh semata-mata kepada penilaian jitu dan matang terhadap masa depan serta kedaulatan Islam secara menyeluruh dan holistik.

Keseimbangan perlu dalam aspek kepentingan Islam di negara ini. Pada masa sama, kita perlu memastikan keharmonian kaum terpelihara, keyakinan pelabur kembali diraih agar pembangunan ekonomi negara juga dapat kembali kukuh.

Paling penting, keredaan Allah SWT dapat dicapai selaras dengan matlamat menjadi negara 'Baladun Thayyibatun wa Rabbun Ghaffur.'

